

# PM: Bukan masa untuk benci membenci

Oleh MOHD. NOR SAMAD

KOTA KINABALU 20 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, sekarang bukan masanya untuk mengamalkan politik kebencian, memaki hamun, mementingkan diri serta kaum sendiri saja kerana amalan itu hanya menjejaskan matlamat negara untuk maju dan membangun pada tahun 2020.

Tegas beliau, sebab itu tumpuan sekarang ialah pada politik pembangunan kerana semua pihak mestilah berasa bertanggungjawab untuk membangunkan seluruh Malaysia tanpa mengecualikan Sabah, Sarawak dan Kelantan.

“Saya yakin kalau politik kita bersih, kalau politik kita aman, tidak ada lagi cara lama yang cuma bergantung kepada perasaan kebencian. Yang mendorong kita mengambil bahagian dalam parti politik... hanya kerana benci bukan kerana kebaikan.

“Kalau kita dapat hapuskan kebencian sebagai asas politik,

negara kita akan mencapai kemajuan,” tegas Perdana Menteri semasa berucap merasmikan kongres pertama, Parti Demokratik Sabah (PDS) di Dewan Masyarakat Tun Fuad Stephens dekat Penampang, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, apa yang patut dihapuskan dari menjadi pegangan ialah budaya politik yang menumpukan semata-mata pada diri sendiri, suku kaum sendiri dan tidak memikirkan tentang kepentingan-kepentingan pihak yang lain yang juga ketinggalan.

Perdana Menteri tidak mahu perasaan kebencian dijadikan sebagai asas untuk mendorong seseorang itu untuk memasuki sesebuah parti politik.

Ini, katanya, akan hanya menimbulkan budaya politik yang tidak sihat yang jika tidak dibendung akan menggugat kestabilan negara dan menjejaskan pembangunan ekonomi.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tidak pernah mengamalkan sikap diskriminasi kepada

■Lihat muka 2

## PM: Bukan masa untuk benci membenci

sesiapa.

Malah, katanya, dalam mesyuarat Kabinet, semua pihak diberikan peluang untuk mengeluarkan pandangan.

Beliau berkata, konsep yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) sekarang merupakan kaedah yang terbaik dan telah membantu membangun dan memajukan negara ini, ke satu tahap yang membanggakan.

Menurutnya, BN mengamalkan budaya dan konsep bermuafakat dalam mencari sesuatu penyelesaian kepada setiap masalah yang dihadapi.

“Kalau ada satu pihak yang merasa puas hati manakala satu pihak lain tidak, ini merupakan satu keadaan yang tidak sihat kepada negara,” katanya.

Beliau berkata, satu hakikat yang

mesti diterima oleh semua pihak ialah tidak semua permintaan dapat dipenuhi 100 peratus.

“Tidak ada satu pihak yang akan mendapat 100 peratus dalam tuntutan mereka. Semua pihak akan mendapat sedikit sebanyak apa yang diminta,” jelasnya.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak wajar sekiranya permintaan mereka tidak dapat dipenuhi, mereka mengambil tindakan menysihkannya.

Sebaliknya, kata beliau, cara yang paling baik ialah berbincang dan berunding bersama untuk mencari jalan penyelesaian.

Oleh sebab itu, beliau meminta supaya semua pihak menerima dan menyokong konsep yang diamalkan oleh BN ini.